



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

11 MAC 2020 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

11 MAC 2020 (RABU)

 **KABINET BAHARU MALAYSIA**

31 Menteri Kabinet menghadap Agong



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan surat cara pelantikan kepada Fadillah pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan di Istana Melawati semalam.



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan surat cara pelantikan kepada Mohamed Azmin semalam.

 **KABINET BAHARU MALAYSIA**

Upacara mengangkat sumpah jawatan berlangsung di Istana Melawati, Putrajaya

PUTRAJAYA

Kesemua 31 menteri Kabinet mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Melawati di sini semalam.

Turut berangkat pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman turut hadir menyaksikan majlis itu di samping Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador dan Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Affendi Buang.

Kesemua mereka melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan dengan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat dan Ketua

Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Kesemua mereka mengangkat sumpah jawatan semalam susulan pengumuman pembentukan Kabinet baharu kelmarin.

Selepas menteri-menteri itu, giliran 37 timbalan menteri pula mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong.

Terdahulu seramai enam Senator mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri S A Vigneswaran di bangunan Parlimen.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri mendahului senarai mengangkat sumpah sebagai Senator.

Zulkifli yang memegang portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyifatkan tugas yang digalasnya sebagai amanah dan tanggungjawab berat yang harus dilaksanakan dengan baik.

"Kita mengharapkan doa rakyat untuk membina negara yang aman dengan keharmonian sentiasa berada pada tahap tinggi, disulami sifat saling toleransi dan hormat-menghormati.

"Insya-ALLAH badai politik yang berdasarkan sentimen semata-mata dapat dibanteras," katanya.

Turut mengangkat sumpah sebagai Senator ialah Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Group Holdings Bhd, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang akan menerajui Kementerian Kewangan.

Selain itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Dr Mah Hang Soon (Timbalan Menteri Pendidikan D); Naib Presiden MCA, Datuk Lim Ban Hong (Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa); Setiausaha Eksekutif Barisan Nasional, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad (Timbalan Menteri Alam Sekitar) dan Pengerusi Biro Perhubungan Antarabangsa Armada, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (Timbalan Menteri Belia dan Sukan) turut mengangkat sumpah pada majlis yang diadakan di bangunan Parlimen. - *Bernama*

Guna perisian cetak rompak kaut laba berganda

Bangi: Guna perisian tiruan bagi mengelak pembayaran lebih tinggi untuk perisian asli sekali gus mengaut keuntungan berganda.

Itu taktik sebuah syarikat kejuruteraan awam di Seksyen 9 di sini, yang dikesan menggunakan perisian tiruan sejak setahun lalu.

Bagaimanapun helah itu terbongkar selepas serbuan dilakukan tujuh pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kajang, Selangor diketuai Mohamad Sani Mohammad Nor jam 12.15 tengah hari, semalam.

Pengarah KPDNHEP Selangor Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan itu dilakukan hasil maklumat daripada pemilik



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa komputer milik syarikat kejuruteraan yang dipercayai menggunakan perisian tiruan.

hak cipta perisian berkenaan.

“Kami mengesan beberapa salinan perisian kompu-

ter disyaki tiruan digunakan pakai syarikat berkenaan.

“Kami turut menyita beberapa set komputer diang-

garkan bernilai RM40,000 bagi membantu proses siasatan,” katanya di lokasi serbuan, semalam.

Sita barang jenama tiruan RM 121,401

Kuantan: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang menyita jam tangan, beg dan topi jenama tiruan bernilai RM121,401, kelmarin.

Dalam serbuan di tiga premis dalam Ops Jeriji jam 3 petang, barangan itu membabitkan 3,239 unit jam tangan, selain 502 unit beg dan topi.

Ketua Pegawai Penguatkuasa, Ahmad Fitri Ali berkata, serbuan dilakukan di dua premis pemborong, selain sebuah kedai jam tangan di bandar ini.

Menurutnya, pihaknya menahan lima individu terdiri tiga lelaki dan dua wanita termasuk dua warga asing berusia antara 20

dan 53 tahun bagi membantu siasatan.

Katanya, siasatan mendapati kebanyakan barangan jenama tiruan terbabit diperoleh dari Lembah Klang selepas dibawa masuk dari luar negara.

"Jam tangan jenama tiruan terbabit dijual antara RM15 dan RM70 seunit berbanding harga asli melebihi RM100 ke atas, manakala harga beg dan topi pula dijual antara RM15 dan RM60 seunit.

"Tiga premis terbabit menjalankan perniagaan antara dua hingga lapan tahun lalu sebelum diserbu," katanya dalam sidang media di pejabat KPDNHEP Pahang di sini, semalam.